SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar **dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam **Kod Bidang 210101, 210103, 210104, 210107 dan 210109** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	KAEDAH PEROLEHAN
1.	[FTA (CPTPP)] Perkhidmatan Sewa Guna Untuk Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Guna Perkakasan Dan Perisian Di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) Bagi Tempoh Kontrak 66 Bulan (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: https://www.moh.gov.my dan MyProcurement) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG] **No. Tender : QT260000000027964**	159/2026	Tarikh : 24 September 2026 (Khamis) Masa : 2.30 petang Tempat : Bilik Mesyuarat Refflesia, Bahagian Pengurusan Maklumat, Aras 5, Blok E7, Kompleks Kerajaan Persekutuan Parcel E, Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya Nota: 1) Petender yang berminat **DIWAJIBKAN** hadir ke sesi taklimat dan lawatan tapak yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Petender hendaklah membawa bersama Cop Rasmi Syarikat, Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan (MOF) dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada) berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan) semasa sesi taklimat berkenaan. 2) Hanya **PENAMA** di dalam Sijil Pendaftaran MOF **SAHAJA** yang boleh hadir ke sesi taklimat/lawatan tapak. **PENAMA** wajib membuat pengesahan **DOKUMEN** di atas bagi mengesahkan kehadiran di sesi taklimat tender.	Secara ePerolehan

*** PERHATIAN: SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN**

Telecenter:

Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325

Waktu pejabat:

ISNIN – KHAMIS
8.00 Pagi – 1.00 Petang
2.00 Petang – 4.00 Petang

JUMAAT
8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
2.45 Petang – 4.00 Petang

Dokumen Tender boleh disemak mulai **24 September 2026 (Khamis)** dengan melayari **www.eperolehan.gov.my.**

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled.* Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara ***Auto Invite*** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk *(key-in)* ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **03 November 2026 (Selasa), jam 12.00 tengah hari.** Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel / katalog / risalah sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal.**

Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan selaras dengan PP/PK 2.2 perenggan 26.

Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun termasuk untuk mengubah atau memendekkan tempoh tender tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran *(one-time payment)* melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran *(multiple payment)* melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia